



AKTIVITI LIHAT-KUTIP-BUANG: SATU KAEDAH UNTUK MENINGKATKAN KESEDARAN MURID TENTANG PENGGUNAAN TONG SAMPAH DAN PEMBUANGAN SAMPAH DENGAN BETUL

Dayang Haisah Bt. Awang Lai

Sekolah Kebangsaan Kampung Tellian, Mukah

ABSTRAK

Masalah sampah merupakan masalah yang universal. Kerajaan telah mempelbagaikan kempen tentang pembuangan sampah yang berkesan. Masalah pembuangan sampah ini perlu diselesaikan dari peringkat sekolah rendah lagi. Sikap murid-murid terhadap aktiviti pembuangan sampah perlu diberi perhatian yang sewajarnya supaya ia sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada murid-murid tentang masalah sampah yang tidak diurus dengan baik. Dengan itu murid perlu dididik cara penggunaan tong sampah dengan betul. Justeru itulah saya mengambil peluang untuk mengkaji masalah ini dalam kajian tindakan saya. Saya berharap saya dapat mengubah sikap murid-murid saya dan mengajar mereka tentang penggunaan tong sampah dengan betul.

1.0 REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LALU

Sebagai pemimpin sekolah, saya sangat tidak suka apabila murid-murid tidak tahu menjaga kebersihan sama ada di persekitaran sekolah atau pun di dalam kelas. Terdapat ramai dalam kalangan murid-murid yang suka membuang sampah di merata-rata tempat. Saya selalunya akan merasa tertekan dan marah apabila murid-murid tidak menitikberatkan kebersihan. Saya dapati nasihat yang diberikan untuk menjaga kebersihan di sekolah dan di dalam kelas seolah-olah “mencurahkan air ke daun keladi”. Saya selalu menasihati murid-murid supaya membuang sampah dengan betul. Apabila dinasihati mereka nampaknya mendengar. Akan tetapi, belum pun habis waktu saya mengajar, sampah mula menjelma balik dalam kelas. Adakalanya murid-murid sendiri tidak bersih fizikal mereka. Ada murid-murid yang datang ke sekolah dengan muka comot dan baju yang tidak bersih, menyebabkan mereka mungkin tidak tahu konsep kebersihan. Saya dapati murid yang kurang menjaga kebersihan diri juga merupakan murid yang lemah dalam pencapaian akademik. Hampir setiap kali saya masuk ke kelas saya terlebih dahulu terpaksa menyuruh murid menyapu sampah, mengutip sampah dan membuang sampah dalam meja masing-masing sebelum memulakan pelajaran. Kadang-kadang saya bosan juga dengan keadaan yang begitu setiap hari. Murid-murid sebenarnya ada disediakan jadual bertugas setiap hari. Masalahnya mereka sering tidak mengikuti jadual bertugas ini. Saya sendiri hampir setiap hari bersama murid membuat aktiviti pembersihan di dalam kelas. Hampir setiap pagi ayat berikut keluar dari mulut saya:

“XYZ tolong sapu kelas. Sapu dari depan ke belakang. Gunakan penyapu dengan betul. Yang lain tolong angkat kerusi. B dan C tolong buang sampah. Buang di tong yang berada di bawah tangga. Kutip sampah yang tercicir. Murid yang lain, tolong susun meja dengan betul”.



5.0 PELAKSANAAN KAJIAN

5.1 Tinjauan masalah

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian, temu bual dan borang soal selidik.

5.1.1 Borang soal selidik.

Jadual 1 : Borang Soal Selidik dan Analisa Dari Borang Soal Selidik

Bil	Perkara	Jumlah	
		Ya	Tidak
1	Adakah kelas anda mempunyai tong sampah?	10	1
2	Adakah anda membuang sampah ke dalam tong sampah setiap hari?	10	1
3	Adakah anda membersihkan kelas pada hari ini?	11	0
4	Adakah anda ingin kelas anda sentiasa bersih dan kemas?	9	2
5	Adakah anda selalu membuang sampah ke dalam laci meja?	2	9
6	Adakah bilangan tong sampah dalam kelas anda mencukupi?	9	2
7	Adakah tong sampah dalam kelas anda dalam keadaan yang baik?	7	4
8	Adakah anda berpuas hati dengan jadual bertugas harian yang telah disediakan?	9	2
9	Adakah peralatan kebersihan dalam kelas anda mencukupi seperti penyapu, kain, baldi, mop dan sebagainya?	11	0
10	Adakah anda sering membuang sampah di merata-rata tempat?	1	10
11	Adakah anda suka membuang sampah ke dalam tong sampah?	11	0
12	Adakah anda suka berkawan dengan seorang yang pengotor?	0	11
13	Adakah tahap kebersihan di dalam kelas anda memuaskan?	7	4
14	Adakah patut anda ditugaskan untuk membersihkan kelas setiap hari?	11	0
15	Adakah anda berasa selesa belajar di kelas anda?	11	0

5.1.2 Pemerhatian

Saya telah membuat pemerhatian ke atas tingkahlaku murid semasa melakukan aktiviti yang telah dicadangkan. Pada mulanya murid beria-ia hendak mengetahui apa yang akan dilakukan selepas saya melekatkan beg plastik di meja masing-masing. Mereka sangat berminat. Saya nyatakan apa yang patut dibuat oleh murid. Berikut merupakan aktiviti.



- ii. Murid dapat menghargai penggunaan tong sampah yang terdapat dalam kelas.
- iii. Suasana kebersihan kelas agak bersih dan memuaskan.
- iv. Guru-guru mata pelajaran juga memberi komen yang memberangsangkan tentang kebersihan kelas Tahun 2.

Berikut komen mereka.

Guru Bahasa Inggeris:

Aktiviti ini mendatangkan manfaat yang baik kepada murid. Namun meletakkan beg plastik di tepi meja kurang sesuai kerana ia boleh mendatangkan banyak masalah seperti semut.

Guru Matematik:

Kebersihan dalam kelas Tahun 2 ada peningkatan berbanding dengan dahulu. Tong sampah yang banyak menyenangkan murid-murid membuang sampah.

Guru Pendidikan Moral:

Kaedah ini akan memberi kesedaran kepada murid tentang penggunaan tong sampah dengan betul tetapi perlu dibaiki lagi kaedahnya.

5.3 Refleksi Kajian

Keberkesanan kajian ini berdasarkan ketekunan guru untuk melaksanakannya. Murid selalunya bertindak berdasarkan apa yang guru suruh. Jika guru betul-betul melaksanakannya aktiviti ini boleh dijalankan. Walaupun kajian ini tidak berjaya mengubah murid saya 100% untuk menggunakan tong sampah dengan baik, namun saya bersyukur kerana saya tidak perlu lagi berteriak setiap pagi untuk menyuruh murid-murid saya membersihkan kelas mereka. Setiap pagi saya hanya perlu menyemak kekemasan mereka. Sesi pengajaran dan pembelajaran dapat saya mulakan dengan tepatnya. Saya tidak perlu membuang masa untuk membersihkan kelas terlebih dahulu. Kelas saya sekarang hanya ada sebuah tong sampah. Saya bersyukur kerana murid-murid dapat membuang sampah dengan betul dan tahu membuang sampah bila ia sudah melimpah. Keadaan ini amat berbeza dengan dahulu. Saya mengakui bahawa melekatkan beg plastik di tepi meja tidak sesuai kerana ia mendatangkan banyak masalah lain. Begitu juga dengan bilangan tong sampah yang banyak memburukkan pandangan dan menyusahkan murid-murid untuk membuangnya. Walau bagaimanapun, tugas saya semakin mudah kerana Guru Penolong Kanan Pentadbiran telah mengumumkan bahawa sesiapa murid yang didapati membuang sampah akan didenda sebanyak RM0.10. Kaedah ini telah saya gunakan sebelum kajian namun tidak berjaya. Saya menggunakan kesempatan ini untuk mendenda murid-murid dalam kelas saya yang membuang sampah. Syukur tahap kebersihan di dalam kelas di sekolah saya semakin meningkat.